

"Lain orang lain 'style'nya..."

"SEMUA kakitangan wajib pakai tanda nama," kata sebuah kepala di Berita Minggu, Jun 27, 1982. Berita berikutan berkata, Jabatan Perkhidmatan Awam mengesahkan, semua kakitangan kerajaan wajib memakai tanda nama, tidak lama lagi. Penggunaan tanda nama itu juga melibatkan semua Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen, kata ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Tan Sri Osman Cassim.

Langkah itu dibuat bagi memudahkan orang ramai berurusan dengan jabatan dan agensi kerajaan, kata beliau.

Penggunaan tanda nama itu dimulakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Sabtu lalu ketika menerima kunjungan Menteri Luar Jepun di pejabatnya dan ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis Kerja tertinggi UMNO, Ahad lalu.

Tan Sri Osman berkata, "Terdapat kes kakitangan kerajaan tidak mahu melayan orang awam yang berurusan dengan jabatan-jabatan kerajaan". "Orang awam yang tidak puas hati dengan layanan itu tidak tahu nama kakitangan yang terlibat untuk membuat aduan," tambah beliau. "Dengan cara ini, kakitangan kerajaan dijangka memberi layanan lebih baik kepada orang awam," jelasnya.

"Penggunaan tanda nama ini yang diputuskan oleh Perdana Menteri Rabu lalu, bukanlah perkara baru. Sebelum ini, setengah-setengah jabatan kerajaan seperti kastam dan hospital telah memakai tanda nama ini," kata beliau.

* * *

Komen Penulis:

Di satu ketika dahulu penggunaan tanda nama (atau "name tag") secara menyeluruh, khususnya, dibantah keras oleh sebilangan kecil pegawai-pegawai kanan, yang berasa bahawa tanda nama seperti itu hanya mustahak bagi pegawai-pegawai bawahan sahaja. Tapi di hari ini bila Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sendiri kelihatan mengenakan tanda nama di dada, maka bantahan berkenaan tidak lagi mempunyai asas. (Nota — Seorang pembaca halaman ini berkata melalui telefon, bahawa pada fikirannya tidak ada sebab mengapa Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-Menteri yang lain, memakai tanda nama, kerana katanya semua rakyat di negara ini kenalkan mereka itu).

Penulis menjawab, tujuan mereka itu mengenakan tanda nama berkenaan, agaknya, ialah untuk membuktikan kepada orang ramai (memandangkan kepada bantahan dari sebilangan pegawai kanan seperti penulis kisahkan awal tadi) bahawa mereka bukanlah

pandai mengeluarkan afahan sahaja tapi berkebolehan juga mengamalkan arahan mereka sendiri! Dan dengan itu akan tertutuplah mulut jiran di sebelah rumah, dalam konteks dia tidak akan berpeluang membidas: "Apa ini, Aya? Dia orang banyak suka bilang sama lain orang, itu, bikin, ini bikin — tapi dia orang sendiri tidak suka bikin..."

Bercakap mengenai perkara yang sama (secara serius pula), bahawa tanda nama di dada pegawai-pegawai kerajaan (yang mempunyai hubungan rapat dengan orang ramai merangkap pembayar cukai) bukan sahaja akan membolehkan orang ramai mengemukakan aduan ke pihak atasan, dan bila (sebagai misalan) mereka tidak diberi layanan yang sempurna oleh seseorang pegawai kerajaan — tapi melalui tanda nama itu jua, orang ramai boleh menjalin "hubungan persahabatan" dengan seseorang pegawai kerajaan. Misalnya, bila seseorang pegawai kerajaan memberi layanan yang baik dan cekap kepada seseorang pembayar cukai, pembayar cukai berkenaan akan berpeluang berkata kepada pegawai yang baik dan cekap itu (setelah terlihat nama "Salleh" di dadanya) dengan berkata, "Terima kasih, Encik Salleh".

Catitan Khas:

Mengetahui subjek yang sama, seorang pembaca yang lain (yang memperkenalkan diri hanya sebagai "penonton T.V.") berkata (melalui telefon jua) — Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kelihatan memakai tanda nama di dada di sebelah kiri, tapi, tambahnya, ada pula pegawai-pegawai Kerajaan dari sebuah jabatan yang sama, yang mengenakan tanda nama secara "berlainan" — ada, katanya, yang memakainya di sebelah kiri dada, dan ada pula di sebelah kanan dada. Dan, katanya lagi, ada pula tanda nama yang senget kedudukannya...Nota: "Senget, mengikut Kamus Dewan, bermakna di antara lain, "tinggi sebelah" (letak atau duduk sesuatu benda) condong, miring"...(Penulis menjawab balas "lain orang, lain 'style'nya").

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 2870
No. Penerimaan 615/85